

Premis sembelih ayam jijik diarah tutup



Empat daripada
tujuh pusat
penyembelihan
di Kuala Lumpur
yang diperiksa
diarah tutup
serta merta
atas pelbagai
kesalahan.

Tiada sijil halal, sisa
dibuang dalam longkang
dan dikendalikan
warga asing

Oleh **SITI AISYAH MOHAMAD**
KUALA LUMPUR

Sebanyak empat daripada
tujuh premis pe-
nyembelihan ayam
di Jalan Semerah
Padi dan Jalan Kuari,
Bukit Cheras, di sini telah
diarahkan tutup serta-merta
atas pelbagai kesalahan.

Dewan Bandaraya Kuala
Lumpur (DBKL) memaklumkan ba-
hawa tindakan itu diambil melalui

Operasi Bersepadu Pemeriksaan
Pusat Penyembelihan Ayam oleh
Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar
DBKL dengan kerjasama strategik
Jabatan Agama Islam Wilayah
Persekutuan (JAWI).

Menurut kenyataan itu, antara
kesalahan yang dikesan termasuk
penyembelihan tanpa sijil halal dan
tidak berdaftar, lantai serta dinding
premis yang kotor, ayam direndam
dalam air kotor bercampur darah,
serta pembuangan sisa terus ke
dalam longkang dan saliran.

"Lebih membimbangkan
apabila semua pekerja
pemprosesan merupa-
kan warga asing dan
premis-premis ini mem-
bekalkan ayam ke restoran
sekitar Cheras dan Kuala
Lumpur.

"Pihak JAWI turut mengesahkan
bahawa terdapat individu yang me-

nyembelih di premis terbabit telah
dibatalkan sijil penyembelihannya.

"Kesemua premis juga gagal me-
ngemukakan bukti suntikan pelalian,
kursus pengendalian makanan, dan
penyelenggaraan perangkap minyak
serta penapis sisa," katanya me-
nerusi kenyataan di Facebook pada
Selasa.

Tambah DBKL, lapan notis dan
kompau turut dikeluarkan atas pel-
bagai kesalahan melibatkan ke-
bersihan, pengendalian sisa dan
pelanggaran lesen.

Menurut kenyataan itu lagi,
DBKL bersama agensi berkaitan
akan terus memperketat tindakan
penguatkuasaan dan penyelarasan
struktur premis tanpa kelulusan.

"DBKL akan memastikan ke-
selamatan makanan dan kesucian
amalan penyembelihan terus ter-
pelihara untuk kesejahteraan warga
kota," ujarnya.



Semua pekerja pemprosesan merupakan warga asing dan
premis-premis ini membekalkan ayam ke restoran sekitar
Cheras dan Kuala Lumpur.



Lantai premis dibiarkan kotor tanpa dibersihkan.